

SALAH FAHAM TERHADAP KONSEP HUKUMAN KESEKSAAN DALAM PERUNDANGAN JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA: SUATU PENJELASAN DARIPADA PERSPEKTIF AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

Hasnizam bin Hashim (Penulis bersama)
Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia
71800 Nilai, Negeri Sembilan
Tel: +60133640505, E-Mel: hasnizam@usim.edu.my

Wan Abdul Fattah bin Wan Ismail, USIM
Zulfaqar bin Mamat, USIM
Ahmad Shukran bin Baharuddin, USIM
Lukman bin Abdul Mutalib, USIM
Norma Jusof, Kementerian Pelajaran Malaysia

Abstrak

Hukuman merupakan penalti yang dikenakan ke atas seseorang yang telah disabitkan kesalahan jenayah oleh sesebuah mahkamah yang berkuasa. Hukuman adalah penting dalam usaha untuk mengekalkan keamanan dan mewujudkan suasana terkawal dalam sesebuah masyarakat dan negara. Dalam kes-kes jenayah berat, memang tidak dapat dinafikan bahawa hukuman berbentuk keseksaan wajar diberikan sebagai balasan atas perbuatan jahat yang telah dilakukan. Di Malaysia, selepas berlakunya penjajahan British ke atas Tanah Melayu, undang-undang Islam telah diberikan tafsiran dan bidang kuasa yang amat sempit. Pelaksanaannya kini, walaupun selepas 64 tahun negara beroleh kemerdekaan, masih lagi terbatas kepada hukuman berbentuk denda, sebat dan penjara seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Disemak-1988) atau Akta 355. Walaupun peruntukan hukuman keseksaan di bawah Akta ini jauh lebih ringan berbanding perundangan sivil, pelaksanaannya seringkali mengundang kontroversi dan mendapat tentangan serta cemuhan yang tidak berkesudahan daripada pelbagai pihak termasuk daripada umat Islam sendiri. Tidak habis di situ, sebarang usaha bagi memperkasa undang-undang Jenayah Islam pasti akan mendapat pelbagai tentangan. Tindakan ini antaranya berpunca daripada salah faham tentang konsep sebenar hukuman keseksaan dalam perundangan syariah yang dilaksanakan serta ketidaksediaan pihak pelaksana. Justeru kertas kerja ini akan cuba memperbetulkan salah faham yang berlaku dengan mendatangkan otoriti dan justifikasi daripada al-Quran dan al-Sunnah sebagai usaha dalam memperkasa perundangan syariah negara agar ianya kekal relevan dengan suasana dan situasi semasa. Hasil kajian mendapati bahawa langkah-langkah tertentu perlu diambil segera oleh pihak-pihak berkaitan dalam usaha untuk memberi kefahaman kepada masyarakat agar salah faham ini dapat diatasi dan tidak menjejaskan imej Islam sebagai agama rasmi negara.

Kata kunci: Hukuman keseksaan, Perundangan Jenayah Syariah, Malaysia, Perspektif al-Quran dan al-Sunnah.

Pendahuluan

Sejak berlakunya insiden 11 September 2001, rasa takut dan benci terhadap Islam yang akhirnya melahirkan sentimen Islamofobia dan tidak suka kepada Islam dan ajarannya menjadi semakin serius

dan menguasai pemikiran masyarakat dunia termasuk masyarakat di negara kita. Apa sahaja yang datang dari Islam dan ajarannya dikaitkan sebagai tindakan melampau (*extreme*), keganasan (*terrorism*) dan bertentangan dengan nilai-nilai kemanusiaan serta tidak bertamadun. Antara perundangan Islam yang sering menjadi sasaran pihak-pihak ini dalam mempromosi atau menjayakan agenda anti Islam adalah pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam itu sendiri. Di Malaysia, salah faham yang berlaku ini bukan hanya melibatkan masyarakat bukan Islam, bahkan ia turut berlaku di kalangan masyarakat Islam itu sendiri. Terdapat banyak salah faham tentang falsafah pelaksanaan hukuman keseksaan yang dilaksanakan dalam Islam. Ramai yang beranggapan bahawa hukuman keseksaan dalam Islam adalah merupakan hukuman semata-mata tanpa ada sebarang fokus terhadap falsafah pelaksanaannya, hikmah yang mendalam dan keberkesanan yang dapat dibuktikan.

Walaubagaimanapun, mutakhir ini isu mengenai hukuman keseksaan Islam dibincang dan diperdebatkan dengan begitu hangat bukan sahaja oleh masyarakat Islam bahkan oleh masyarakat bukan Islam juga. Malahan dari satu sudut yang lain, ianya bukan sahaja dibincangkan oleh ilmuan Islam bahkan oleh pelaksana undang-undang dan ahli politik Islam atau bukan Islam. Situasi ini memberi gambaran bahawa masyarakat Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa begitu prihatin dan ingin tahu mengenai Islam dan undang-undangnya berkaitan jenayah dalam konteksnya yang sebenar sesuai dengan kedudukan Islam itu sendiri sebagai agama rasmi bagi Persekutuan.

Di samping itu, keadaan yang berlaku ini juga adalah merupakan suatu yang positif dan memberi peluang kepada umat Islam khususnya para ilmuan dan pelaksana undang-undang serta ahli politik Islam untuk menjelaskan kedudukan sebenar mengenai Islam khususnya berkaitan undang-undang Jenayah Islam kepada masyarakat Islam dan bukan Islam. Dengan penjelasan yang komprehensif dan berhikmah, adalah diharapkan agar hukuman keseksaan dalam undang-undang Jenayah Islam dapat difahami, dihayati dan sekaligus diterima oleh masyarakat majmuk di negara ini.

Definisi Hukuman Keseksaan atau ‘Uqubah

‘Uqubah adalah merupakan perkataan Arab yang berasal daripada kata kerja ‘aqaba’. Dari segi bahasa, ia bermaksud pembalasan di atas sesuatu perbuatan. (Abdullah bin Salim al-Hamid, 1993) Dari segi istilah, ‘uqubah bermaksud balasan yang ditetapkan bagi memelihara kepentingan ramai atas penderhakaan yang dilakukan terhadap syariat. (Abdul Qadir ‘Audah, 1986)

Hukuman adalah merupakan rentetan atau akibat daripada perbuatan jenayah. Dalam erti kata lain, ‘uqubah atau hukuman dikenakan ke atas individu yang telah disabitkan kesalahan di atas perbuatan melakukan jenayah. Justeru, ‘uqubah ialah hukuman keseksaan yang dijatuhkan oleh mahkamah setelah seseorang itu didapati bersalah melakukan sesuatu jenayah. (Mahmud Saedon Awang Othman. 2000) Hukuman atau ‘uqubah selain daripada ditakrifkan sebagai balasan fizikal, pencegahan, juga adalah merupakan pengajaran, pembetulan dan pemulihan kepada pesalah agar menjadi warganegara yang soleh yang mampu memberi khidmat baktinya kepada agama dan negara. (Abdul Karim Zaydan, 1993)

Kategori Hukuman Keseksaan Dalam Undang-Undang Jenayah Islam

Dalam undang-undang Jenayah Islam, hukuman atau keseksaan berdasarkan kesalahan yang dilakukan terbahagi kepada kategori berikut: (Muhammad Abu Zahrah, 2006)

1) Hukuman Hudud.

Hudud adalah merupakan hukuman yang berkaitan dengan hak Allah SWT yang telah ditetapkan di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Hudud melibatkan kesalahan zina, *qazaf*, mencuri, *hirabah*, *bughah*, minum arak dan murtad. Hukuman hudud ini adalah kekal dan tidak boleh diubah sehingga ke hari kiamat. Berdasarkan definisi ini, Qisas tidak dianggap sebagai *hadd* kerana ia merupakan hak manusia. Takzir juga tidak dianggap sebagai *hadd* kerana hukumannya tidak ditentukan Syarak.

2) Hukuman Qisas dan Diat.

Qisas dan Diyat adalah merupakan hukuman yang berkaitan dengan hak individu yang menjadi mangsa atau walinya. Dalam erti kata lain, Qisas adalah merupakan pencerobohan ke atas hak manusia. Asas bagi hukuman Qisas ialah persamaan perbuatan. Kesalahan jenayah yang termasuk dalam kategori ini adalah membunuh sama ada sengaja, tidak sengaja atau tersalah. Termasuk dalam kategori ini juga ialah jenayah mencederakan sama ada sengaja, tidak sengaja atau tersalah. Hukuman Qisas bukan hanya di syariatkan pelaksanaannya di dalam al-Quran sahaja, bahkan ianya telah disyariatkan juga di dalam Kitab Taurat sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah 5:45.

3) Hukuman *Kiffarah*.

Kiffarah bermaksud hukuman yang ditetapkan pada perkara-perkara maksiat dengan tujuan untuk membersihkan diri dari dosa. Walaupun *kiffarah* pada asalnya merupakan ibadat kerana ia tersusun daripada perbuatan memerdekakan hamba, memberi makan fakir miskin atau berpuasa, namun apabila ia diwajibkan kerana pelanggaran ke atas sesuatu hukum syarak seperti membunuh secara tidak sengaja, maka ia akan menjadi hukuman ke atas perbuatan jenayah tersebut. Hukuman *kiffarah* bagi pembunuhan tidak sengaja ini diwajibkan bersekali dengan hukuman diat. (Paizah Hj Ismail. 1991)

4) Takzir.

Takzir adalah merupakan hukuman yang tidak ada nas khusus dari segi syarak untuk menentukan kadarnya. Ketentuan dan kesesuaian hukuman Takzir adalah ditentukan oleh hakim atau pemerintah berlandaskan prinsip hukum syarak dalam hukuman. Hukuman takzir dikenakan pada kesalahan-kesalahan selain daripada kesalahan Hudud dan Qisas. Di antara hukuman-hukuman takzir adalah seperti sebatan, penjara, denda, buang negeri dan daerah, hukuman berbentuk pemulihan. Hukuman Takzir merupakan instrumen yang efektif dalam usaha untuk mengekalkan ketenteraman kerana ianya dapat mengekalkan peraturan sesebuah negara. Ini kerana peruntukan hukuman takzir adalah bertujuan untuk membuka ruang sehingga undang-undang jenayah Islam dapat berjalan seiring dengan keadaan semasa dan sesuai dengan tuntutan zaman. Hukuman takzir juga bertujuan untuk mencegah supaya jenayah tidak dilakukan dengan sewenang-wenangnya dan pada masa yang sama adalah merupakan hukuman atau keseksaan kepada pelaku jenayah itu sendiri sebagai pengajaran ke atasnya. (Hasnizam bin Hashim & Jasri Jamal, 2017)

Ciri-ciri Hukuman Keseksaan Dalam Undang-Undang Jenayah Islam

Di dalam al-Quran, Allah SWT berfirman:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

3. Pada hari ini telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Kucukupkan kepadamu nikmatKu, dan aku redha Islam itu jadi agama bagimu. (Al-Maidah: 5)

Ayat di atas menjelaskan bahawa Syariat Islam adalah merupakan Syariat yang lengkap. Sebagai Syariat yang syumul atau lengkap, Islam mengandungi pelbagai peraturan, hukum hakam dan perundangan dalam setiap aspek kehidupan. (Abdullah Nasih Ulwan, 2001) Semua perkara ini telah diterangkan secara terperinci sebagaimana Firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 38 dan surah al-Nahl ayat 89. Termasuk di dalam Syariat atau perundangan Islam ini adalah merupakan Undang-Undang Jenayah Islam itu sendiri.

Dalam sistem perundangan Islam, terdapat beberapa ciri tertentu keseksaan yang membezakan ia daripada sistem perundangan yang lain. Antaranya adalah seperti berikut:

a) Merupakan sebahagian daripada Akidah Islam

Undang-undang Jenayah Islam adalah merupakan sebahagian daripada sistem syariat Islam itu sendiri. Secara langsung ianya adalah terpakai atau diperuntukkan kepada semua umat manusia dan bukannya untuk sesuatu bangsa atau golongan tertentu sahaja. Dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah jelas menyatakan bahawa untuk melaksanakan undang-undang jenayah Islam yang terdiri daripada Hudud, Qisas, *Kiffarah* dan Takzir adalah wajib ke atas umat Islam. Setiap umat Islam wajib beriman dan berusaha untuk melaksanakannya. Walaubagaimanapun, pelaksanaannya perlu diterjemah dan dilaksanakan oleh pemerintah melalui prosedur yang jelas dan sistematik dengan berpaksikan nas syarak. (Hasnizam bin Hashim & Jasri Jamal, 2014) Firman Allah SWT:

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا

158. Katakanlah: “Hai manusia sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepadamu semua...” (Al-A'raf: 158)

Firman Allah SWT:

وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

7. Apa yang diberikan Rasul kepadamu, maka terimalah. Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah amat keras hukumannya. (Al-Hasyr: 7)

b) Pembalasan bersifat Duniawi dan Ukhrawi

Hukuman keseksaan yang diperuntukkan oleh Islam bukan sahaja menerangkan tentang pembalasan duniawi terhadap pelaku jenayah, tetapi balasan ukhrawi juga turut diberikan sebagai ancaman bagi mereka yang terlepas daripada hukuman duniawi. Di dalam al-Quran umpamanya, terdapat banyak ayat al-Quran yang menerangkan tentang balasan duniawi dan ukhrawi terhadap pelaku jenayah. Mengenai pembalasan atau keseksaan duniawi dan ukhrawi, sebagai contoh Firman Allah SWT dalam Surah al-Maidah ayat 33 mengenai jenayah *Hirabah*.

إِنَّمَا جَزَاءُ الَّذِينَ يُحَارِبُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَسْعَوْنَ فِي الْأَرْضِ فَسَادًا أَنْ يُقَتَّلُوا أَوْ يُصَلَّبُوا أَوْ تُقَطَّعَ أَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ مِّنْ خَلْفٍ أَوْ يُنْفَوْا مِنَ الْأَرْضِ ذَلِكَ لَهُمْ خِزْيٌ فِي الدُّنْيَا وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ

33. Sesungguhnya balasan terhadap orang-orang yang memerangi Allah dan Rasul-Nya dan membuat kerusakan di muka bumi, hendaklah mereka dibunuh atau disalib, atau dipotong tangan dan kaki mereka dengan bertimbal balik, atau dibuang dari negeri (tempat kediamannya). Yang demikian itu (sebagai) suatu penghinaan untuk mereka di dunia, dan di akhirat mereka beroleh siksaan yang besar. (Al-Maidah: 33)

Mengenai keseksaan ukhrawi pula, terdapat banyak ayat al-Quran yang dalam pelbagai *uslub* menerangkan, memberikan ancaman dan sebagainya agar manusia sentiasa sedar bahawa mereka tidak mungkin terlepas dari seksaan di akhirat sebagai balasan terhadap apa-apa perbuatan jahat yang telah mereka lakukan di dunia. Sebagai contoh, Firman Allah SWT:

وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُتَعَمِّدًا فَجَزَاؤُهُ جَهَنَّمُ خَالِدًا فِيهَا وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعَنَهُ وَأَعَدَّ لَهُ عَذَابًا عَظِيمًا

93. Dan barangsiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja maka balasannya ialah neraka Jahannam, kekal ia di dalamnya dan Allah murka kepadanya, dan mengutuknya serta menyediakan azab yang besar baginya. (An-Nisa': 93)

Berdasarkan ayat di atas, dapat difahami amaran-amaran keseksaan akhirat itu diberikan ke atas pelaku jenayah. Amaran ini tentu dapat memberikan kesan yang mendalam terhadap umat manusia dan boleh menjadikan mereka berfikir banyak kali sebelum melakukan sebarang kesalahan jenayah. Dalam erti kata lain, segala azab dan seksa yang dijanjikan oleh Allah SWT dapat membangkitkan perasan gerun seseorang dan mencegahnya daripada melakukan jenayah. Kaedah atau *uslub* ini sebenarnya adalah merupakan cara yang paling utuh dalam mengekang jenayah sebelum ianya berlaku. Walau bagaimanapun, Islam tetap memberi ruang pengampunan kepada seseorang itu sekiranya ia bertaubat di atas perbuatan dosa atau jenayah yang dilakukan dengan tidak mengecualikan hukuman keseksaan yang akan dihadapinya di dunia atas perbuatan jenayah tersebut setelah sabit kesalahannya. Peluang untuk bertaubat dibuka luas agar ia dapat kembali semula kepada Allah dengan melakukan kebaikan dan menghindarkan kejahatan. (Paizah Hj Ismail, 1991) Firman Allah SWT:

قُلْ يَاعِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِن رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

53. Katakanlah: "Hai hamba-hamba-Ku yang malampai batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni dosa-dosa semuanya. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (Az-Zumar: 53)

c) Tetap dan tidak berubah

Hukuman-hukuman yang telah ditetapkan bagi kesalahan jenayah Hudud dan Qisas adalah tetap dan tidak berubah serta tidak boleh ditukar ganti. Ini kerana hukuman bagi kedua-dua jenayah ini ditetapkan oleh Allah SWT sendiri di dalam al-Quran demi menjaga hak Allah dan kepentingan manusia. Walaubagaimanapun, dalam hukuman Takzir, penentuannya adalah mengikut suasana masyarakat yang berubah dengan masa dan tempat. Pelaksanaan hukuman Takzir perlulah berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan oleh hukum syarak. Antara prinsip atau garis panduan yang telah digariskan oleh Syarak adalah hukuman yang sesuai dengan kesalahan yang dilakukan, bersifat subjektif dan sebagainya. Sebagai contoh, dalam pelaksanaan hukuman Takzir, Rasulullah SAW melarang penyeksaan dengan menggunakan api atau membakar penjenayah sebagaimana Hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari.

روى البخاري من حديث أبي هريرة: " ... وَإِنَّ النَّارَ لَأَيُّعَذَّبُ بِهَا إِلَّا اسْمٌ " ، وَعَنْ عِكْرِمَةَ، أَنَّ عَلِيًّا -رَضِيَ اللهُ عَنْهُ-، حَرَّقَ قَوْمًا، فَبَلَغَ ابْنَ عَبَّاسٍ فَقَالَ: لَوْ كُنْتُ أُمَّ أَحَرِّهُمْ؛ لِأَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «لَا تُعَذِّبُوا بِعَذَابِ الرَّ» (رواه البخاري)

d) Memberikan keadilan kepada pihak-pihak

Dalam undang-undang Jenayah Islam, sesiapa sahaja yang melakukan perbuatan jenayah, tidak kira apa pun statusnya dalam maysarakat, pasti akan mendapat hukuman yang sama. Persamaan dalam pengertian ini hanya pada kesalahan berkaitan jenayah Hudud, Qisas dan Diat sahaja. Ini kerana bagi kesalahan-kesalahan ini, hukumannya telah ditentukan oleh Syarak. Oleh yang demikian, hukuman bagi setiap individu yang melakukan jenayah adalah sama.

Dalam pelaksanaan hukuman Qisas umpamanya, asas hukumannya adalah persamaan perbuatan atau balasan keseksaan menyamai jenayah yang dilakukan. Pembunuhan jiwa secara zalim akan dikenakan hukuman bunuh balas, perbuatan mencederakan anggota akan dikenakan hukuman yang sama dan begitulah seterusnya. Pelaksanaan hukuman Qisas ini bukanlah berasaskan kepada balas dendam, malahan ia adalah berasaskan kepada keadilan dan pemeliharaan hak iaitu memberikan hak kepada individu yang teraniaya untuk mengenakan balasan yang setimpal ke atas penjenayah. Apabila hak mereka yang teraniaya dapat dibela, maka akan tercapailah keadilan dan akan terpeliharalah hak serta masalah individu dan masyarakat. Pelaksanaan hukuman selain Qisas bagi jenayah membunuh dan mencederakan akan menimbulkan rasa dendam yang tidak berkesudahan di kalangan mangsa dan ahli waris apabila penjenayah tersebut tidak dikenakan hukuman yang setimpal. Selain itu, pelaksanaan hukuman Qisas ini juga akan dapat mencegah dan menghalang orang lain daripada melakukan jenayah sekiranya ia mengetahui bahawa dia akan dikenakan hukuman yang sama di atas perbuatan jenayahnya. Hal ini bertepatan dengan Firman Allah SWT seperti berikut:

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَوةٌ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

279. Dan dalam hukuman Qisas itu ada (jaminan kelangsungan) hidup bagimu, hai orang-orang yang berakal, supaya kamu bertakwa. (Al-Baqarah: 279)

Penggunaan kalimah '*walakum*' yang bermaksud 'bagi kamu semua' di dalam ayat di atas menjelaskan bahawa faedah atau hikmah hukuman Qisas ini bukan sahaja dirasai oleh wali atau waris mangsa bahkan dapat dirasai oleh seluruh umat manusia.

Bagi kesalahan Takzir pula, persamaan pada keseksaan tidak disyaratkan. Perkara utama yang menjadi objektif dalam keseksaan Takzir adalah persamaan kesannya ke atas pesalah. Ini kerana matlamat keseksaan dalam keseksaan Takzir adalah untuk memberi pengajaran dan kesedaran kepada pesalah berkenaan. Ada pesalah yang akan mendapat pengajaran dengan dikenakan denda dalam bentuk wang ringgit. Ada pula yang akan mendapat pengajaran dengan dikenakan hukuman buang daerah, sebatan, pemenjaraan dan sebagainya. Oleh yang demikian, mereka yang terlibat dalam suatu kesalahan (bukan jenayah Hudud dan Qisas) tetapi menerima hukuman yang berlainan boleh dianggap telah dilaksanakan ke atas mereka konsep persamaan dalam hukuman atau keseksaan. Ini kerana apa yang diharapkan daripada pelaksanaan hukuman itu adalah kesannya dan kesan ini dapat dicapai mengikut suasana dan keadaan penjenayah itu sendiri. (Paizah Hj Ismail, 1991)

Objektif Hukuman Keseksaan Dalam Undang-Undang Jenayah Islam

Syariat Islam tidak diturunkan untuk menghukum manusia. Bahkan Syariat Islam adalah merupakan rahmat dan penyelamat kepada kehidupan manusia. Hukuman dalam Islam adalah merupakan kaedah terakhir di dalam mendidik dan menjaga kemaslahatan manusia setelah segala pendekatan diambil tidak mendatangkan kesan.

Banyak ayat al-Quran diturunkan dalam bentuk nasihat dan pujukan agar manusia tidak melakukan perkara yang dilarang oleh Allah. Firman Allah SWT:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

125. Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk. (An-Nahl: 125)

Tujuan utama sesuatu hukuman adalah untuk memperbaiki individu, melindungi kepentingan umum dan menjaga sistem masyarakat. (Abdul Qadir 'Audah, 1986) Rasional disebalik pengharaman atau larangan tersebut juga turut diperjelaskan supaya manusia berpuas hati dan dapat menerima larangan tersebut sebagai sesuatu yang membawa kepada kebaikan. Imam al-Ghazali di dalam kitab al-Mustasfa menegaskan bahawa hukuman disyariatkan dengan tujuan untuk menjaga kepentingan syarak (*Maqasid al-Syariah*) yang terdiri daripada agama, nyawa, akal fikiran, keturunan, dan harta benda. Menurut beliau, segala sesuatu yang termasuk di dalam penjagaan kelima-lima asas ini adalah *masalah* dan tiap-tiap sesuatu yang meluputkan asas-asas ini adalah kerosakan (*mafsadah*) dan menolak (mencegah) kerosakan tersebut adalah juga *masalah*.

Setiap jenis hukuman yang dikenakan tidaklah semata-mata tertumpu kepada satu jenis tujuan sahaja. Kadangkala sesuatu jenis hukuman yang dikenakan kepada seseorang pesalah atau penjenayah itu mempunyai beberapa tujuan untuk mengubah dan memperbetulkan sikap pesalah atau penjenayah berkenaan supaya tidak mengulangi perbuatan jenayahnya. Antara tujuan hukuman adalah seperti berikut:

a) Hukuman Pembalasan

Hukuman yang disasarkan sebagai tujuan pembalasan ialah untuk memastikan pesalah dihukum setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Dengan itu, dalam kaedah hukuman bagi tujuan 'membalas' maka mahkamah akan menyeksa orang yang melakukan jenayah berkenaan bagi pihak mangsanya dengan mengenakan hukuman yang sama dengan yang telah dilakukannya, atau, jika tidak mungkin maka hukuman yang dianggap setimpal akan dikenakan. (Abdul Aziz Hussin, 2010) Konsep pembalasan ini secara umumnya memberi erti bahawa penjenayah perlu dikenakan pembalasan yang setimpal dengan perbuatan jenayah yang dilakukannya demi menjamin keadilan. Objektif ini mempunyai sandaran yang jelas daripada al-Quran, Hadith dan pandangan atau ijtihad para fuqahak. (Mahmood Zuhdi Ab Majid, 2001) Walau bagaimanapun, perlu difahami bahawa

objektif ini bukan menjadi sandaran kepada semua jenis keseksaan atau hukuman yang diperuntukkan dalam undang-undang jenayah Islam.

b) Pencegahan

Hukuman dalam Islam juga tidak menafikan elemen pencegahan. Al-Quran yang diturunkan sejak lebih 1400 tahun yang lalu, jauh lebih awal daripada kewujudan undang-undang sivil telah menyentuh aspek pencegahan dalam hukuman ini secara langsung. Sebagai contoh, istilah ‘*nakalan*’ yang digunakan oleh Allah dalam Surah al-Maidah 5:38 membawa maksud iktibar bagi orang yang melihat hukuman agar mereka menghindari daripada melakukan perkara keji yang sama. Firman Allah SWT:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

38. Laki-laki yang mencuri dan perempuan yang mencuri, potonglah tangan keduanya (sebagai) pembalasan bagi apa yang mereka kerjakan dan sebagai seksaan dari Allah. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana. (Al-Maidah: 38)

Al-Qarrafi menyatakan bahawa hukuman keseksaan disyariatkan bagi menolak keburukan-keburukan yang dijangkakan dan tindakan sebegini digunakan bagi menghalang penjenayah daripada mengulangi perbuatan berkenaan dan juga bagi menghalang orang lain daripada melakukan perbuatan yang sama. (Al-Qarrafi, t.t.)

c) Penghilangan Keupayaan

Penghilangan keupayaan boleh ditakrifkan sebagai pencegahan apa-apa perbuatan yang tidak dikehendaki dengan menghalang seseorang yang terlibat dalam aktiviti jenayah daripada melakukan perbuatan jenayah. Kesemua jenis hukuman ini bertujuan untuk memindahkan bahaya pesalah daripada masyarakat, menyekat atau menghalang seseorang itu daripada melakukan perbuatan jenayah atau menjadikan perbuatan jenayah itu sesuatu yang sukar untuk dilaksanakan oleh penjenayah tersebut setelah hukuman dilaksanakan ke atasnya. Hukuman penjara/ penahanan (*al-Habs*) dan buang daerah (*al-Taghrib*) yang bertujuan untuk menyekat kebebasan pesalah umpamanya mempunyai sandaran autoriti nas yang jelas dari segi kewujudan peruntukan dan pelaksanaannya sejak dari zaman penurunan wahyu itu sendiri. Sementara itu, hukuman berbentuk potongan anggota badan pula dapat dilihat di dalam jenayah Hudud dan Qisas. (Hasnizam bin Hashim & Jasri Jamal, 2017)

d) Pemulihan

Bagi hukuman yang bertujuan sebagai pemulihan dan mendidik, para hakim mengharapkan pesalah dapat berubah dan mengakui salahlakunya dan berusaha untuk menjadi warga yang mematuhi undang-undang. Pemulihan merangkumi memodelkan semula pemikiran dan tingkahlaku pesalah agar pesalah dapat meyakinkan komuniti dengan menunjukkan komitmen mereka menjadi warga patuh undang-undang.

Hukuman Keseksaan Dalam Undang-Undang Jenayah Syariah Di Malaysia Serta Isu Berkaitan Pelaksnaannya

Sebelum penjajahan Inggeris ke atas Tanah Melayu, Undang-undang Islam adalah merupakan *lex loci* atau undang-undang utama di Tanah Melayu pada ketika itu di samping undang-undang Adat Melayu. Undang-undang Islam yang diikuti pada waktu itu meliputi semua bidang termasuk Undang-Undang Keluarga, Undang-Undang Jenayah, Undang-Undang Tanah, Undang-Undang Mal, dan Undang-Undang Acara dan Keterangan. Ini dapat dilihat dengan jelas di dalam kes *Rahmah lwn Laton* (Tahun 1927), Mahkamah Rayuan di Selangor telah memutuskan bahawa undang-undang Islam ialah undang-undang negeri dan mahkamah hendaklah mengiktiraf dan menggunakan undang-undang tersebut. (Ahmad Mohamed Ibrahim, 1997)

Dengan masuknya pengaruh British ke negeri-negeri Melayu, Agama Islam telah diberi tafsiran yang amat sempit dan agama itu dianggapkan oleh pihak British mempunyai tafsiran yang sama seperti agama kristian. Dengan tafsiran ini, pihak British telah dapat mempengaruhi undang-undang di Malaysia, yang dianggap olehnya tidak berkaitan dengan agama. (Ahmad Mohamed Ibrahim, 1997)

Setelah melalui beberapa ketika, akhirnya undang-undang Inggeris telah berjaya diterapkan sepenuhnya di Tanah Melayu. Walaupun, selepas negara beroleh kemerdekaan dan Islam di masukkan sebagai agama rasmi bagi persekutuan, namun pemakaian undang-undang Islam hanyalah terhad kepada perkara-perkara yang disenaraikan di dalam Perenggan 1, Senarai 2- Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. (Perlembagaan Persekutuan Malaysia).

Berdasarkan kepada peruntukan ini, kuasa mengenai agama Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri. Oleh kerana kuasa mengenai agama Islam adalah di bawah bidang kuasa negeri, tiap-tiap negeri mempunyai enakmen yang tersendiri mengenai pentadbiran undang-undang Islam. Tiap-tiap negeri mempunyai Majlis Agama Islam dan Mahkamah-mahkamah Syariahnya sendiri. Sungguhpun pada dasarnya enakmen-enakmen itu boleh dikatakan sama, tetapi terdapat juga perbezaan di antaranya. Beberapa masalah juga timbul oleh kerana undang-undang itu tidak sama dan ditadbirkan di peringkat negeri sahaja. (Mahamad Arifin. 2007)

Penubuhan Mahkamah Syariah di Malaysia dan kuasa penghukuman yang diperuntukkan adalah berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan seperti yang dinyatakan di dalam jadual kesembilan, Senarai II-Senarai Negeri.

'...pengwujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan.'

Undang-Undang yang mula memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah ialah Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 dan mengikut Akta ini, Mahkamah Syariah hanya berkuasa membicarakan perkara-perkara dimana hukuman yang boleh dikenakan tidak lebih daripada enam bulan penjara atau denda tidak melebihi RM1000. Pada tahun 1984, Akta ini telah dipinda dan diperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah berkuasa membicarakan perkara-perkara di mana hukuman yang boleh dikenakan tidak lebih daripada tiga tahun penjara atau denda tidak melebihi RM 5,000 atau sebat tidak melebihi enam sebatan atau kedua-duanya sekali. (Hasnizam bin Hashim & Jasri Jamal, 2014)

Bidang Kuasa Kanun Jenayah Syariah

Kesalahan-kesalahan (*offences*) yang terdapat di dalam Kanun Jenayah Syariah negeri-negeri adalah memperuntukan undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan tertentu untuk orang-orang Islam di Malaysia. Undang-undang mengenai kesalahan-kesalahan tersebut tidak didapati dalam undang-undang bertulis yang lain seperti Kanun Keseksaan. Kanun Jenayah Syariah di Malaysia secara umumnya memperuntukan kesalahan-kesalahan seperti berikut: (Hasnizam bin Hashim & Jasri Jamal, 2014)

1. Kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan akhlak, seperti berkelakuan tidak sopan di khalayak ramai dan lelaki berlagak seperti perempuan di tempat-tempat awam.
2. Kesalahan-kesalahan seks seperti bercumbuan antara pasangan yang bukan suami isteri, bersekedudukan atau berkhalwat, berkelakuan sumbang, berzina, mukaddimah zina, liwat, *musahaqah*, hamil atau melahirkan anak di luar nikah dan melacurkan diri.
3. Kesalahan-kesalahan berhubung dengan amalan agama seperti mengeluarkan atau menyebarkan kata-kata yang bertentangan dengan hukum syarak, menganjur, menggalak atau melakukan maksiat, meminum minuman yang memabukkan, menjual dan membeli minuman yang memabukkan dan tidak berpuasa di bulan Ramadhan.
4. Kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan kesejahteraan orang lain seperti menghasut atau memujuk mana-mana perempuan bersuami atau beristeri supaya bercerai, melarikan atau menyebabkan seseorang isteri orang lain meninggalkan rumah tangga yang ditentukan oleh suaminya, melacurkan anak atau kanak-kanak di bawah jagaan, melarikan atau mempengaruhi seseorang perempuan supaya lari dari jagaan ibu bapanya, menjadi muncikari iaitu menjadi orang tengah untuk tujuan menyalahi syarak dan mempertikaikan kelslaman orang lain.
5. Kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan pentadbiran hukum-hukum Islam seperti mengingkari, membantah, melanggar atau mengeji mana-mana kadhi/ hakim atau pegawai hal ehwal agama, mufti, mungkir mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa di mahkamah, melanggar dan mengingkari atau menghina mana-mana perintah mahkamah.
6. Bersubahat dalam melakukan apa-apa kesalahan di atas.
7. Pelbagai kesalahan yang tidak termasuk dalam ketegori di atas.

Beberapa Kontroversi Berkaitan Pelaksanaan Hukuman Jenayah Syariah di Malaysia

Banyak bantahan dan pertikaian telah ditimbulkan oleh pelbagai pihak berkaitan perlaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia walaupun skop hukumannya adalah terlalu kecil dan hanya berbentuk takzir sahaja. Antara perkara yang sering dibangkitkan oleh media dan para penentang undang-undang tersebut ialah ianya berkaitan dengan hak asasi individu berkenaan, hukuman yang hendak dikenakan adalah zalim, ekstrem, tidak berperikemanusiaan dan lain-lain lagi. Perlu dijelaskan di sini, bahawa Peruntukan berkenaan Undang-Undang Jenayah Islam di dalam Kanun Jenayah Syariah di setiap negeri adalah diperuntukkan oleh Perlembagaan Persekutuan.

Antara insiden-insiden kontroversi setakat ini termasuklah penangkapan beberapa orang gadis Melayu di Selangor yang menyertai pertandingan ratu cantik pada tahun 1997, penahanan seorang penyanyi perempuan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) pada Jun 2000 atas kesalahan menghina agama Islam dengan berada di dalam premis yang dihidangkan arak, penahanan 31 orang Islam 23 daripadanya adalah wanita oleh JAIS atas kesalahan menghidangkan arak pada Jun 2000, hukuman denda yang dijatuhkan ke atas seorang lelaki Kelantan berusia 68 tahun atas kesalahan tidak menunaikan solat Jumaat pada Mac 2005, penahanan 100 orang Islam di Zouk Night Club

Kuala Lumpur pada Januari 2005, kes Mohd Nizam Ibrahim dan Mohd Nasha yang dijatuhi hukuman denda dan sebat atas kesalahan meminum arak oleh Mahkamah Tinggi Syariah Kuantan pada 14 Jun 2005, hukuman sebat ke atas Kartika Sari Dewi Shukarno atas kesalahan meminum arak pada tahun 2009 dan banyak lagi. (Anita Abdul Rahim et al, 2010)

Kesimpulan

Sekiranya difahami dengan mendalam, segala bentuk hukuman yang diperuntukkan di dalam undang-undang jenayah Islam yang merangkumi hudud, qisas, diyat dan takzir adalah adil dan bersifat kemanusiaan. Di Malaysia, walaubagaimanapun peruntukan berkenaan Undang-Undang Jenayah Islam di dalam Kanun Jenayah Syariah di setiap negeri adalah terlalu kecil skopnya dan hanya berbentuk takzir sahaja. Hukuman dalam Islam bukanlah bertujuan untuk menyeksa atau menghukum penjenayah, akan tetapi bertujuan untuk memberikan pembalasan yang setimpal di atas perbuatan jenayah yang telah dilakukan. Hukuman dalam Islam juga menekankan unsur pencegahan. Apa sahaja yang boleh mendorong ke arah melakukan jenayah dan maksiat hendaklah dicegah dan dihindarkan. Hukuman ini sebenarnya bertujuan untuk mendidik dan mengajar masyarakat keseluruhannya agar menghindari perlakuan jenayah. Matlamatnya adalah untuk mewujudkan keamanan dan ketenteraman dalam masyarakat dan negara di samping mendapat keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Dalam konteks undang-undang Jenayah Islam di Malaysia, usaha untuk mempromosikan syariah Islam dan kefahaman berkaitan undang-undang Jenayah Islam yang sebenar serta kaedah pelaksanaannya perlu dilakukan dengan betul tanpa sebarang kekurangan yang boleh mengundang tohmah atau membawa kepada ketidakadilan sekaligus menimbulkan persepsi negatif atau salah faham masyarakat. Para ilmuwan, pelaksana undang-undang serta para pendakwah yang ingin bercakap tentang hukuman keseksaan dalam undang-undang Jenayah Islam perlu memberi penjelasan bahawa hukuman ini relevan dan terbaik di bagi umat manusia kerana ianya penuh dengan unsur mendidik, memberi keinsafan dan mengembalikan penjenayah ke pangkal jalan. Kaedah-kaedah bagi mengatasi salah faham ini boleh dilakukan oleh pihak-pihak yang berkenaan melalui media massa, media sosial dan melalui sistem pendidikan. Melalui media massa dan media sosial, penerangan secara berterusan dapat dibuat dan segala kekeliruan akan dapat dijawab. Melalui sistem pendidikan pula, penerapan subjek undang-undang Jenayah Islam di peringkat sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi dilihat akan dapat memberi kefahaman terhadap masyarakat di negara ini tentang objektif hukuman keseksaan dalam undang-undang Jenayah Islam.

Rujukan

- Abdul Aziz Hussin. (2010). *Panduan Umum Undang-Undang Jenayah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Abdul Qadir 'Audah. (1986). *Al-Tasyri' al-Jinai al-Islamiy* (7 ed.). Beirut: Muassah al-Risalah.
- Abdullah bin Salim al-Hamid. (1993). *Al-Tasyri' al-Jinai al-Islamiy*. Al-Mamlakah al-Arabiyyah: Wizarat al-Syuun al-Islamiyyah.
- Abdullah Nasih Ulwan. (2001). *Syariah Islam: Ciri-ciri dan Keunggulan*. Selangor: Intel Multimedia Publication.

- Ahmad Fathi Bahnasi. (1983). *Al-Uqubah fi al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Ahmad Mohamed Ibrahim. (1997). *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Al-Qarraf. (t.t). *Al-Furuq*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Anita Abdul Rahim, Ahmad Azam Mohd Shariff, & Ruzian Markom. (2010). Hukuman Sebat Menurut Akta 355: Sejauh Manakah Aplikasinya dalam Kes-kes Jenayah Syariah di Malaysia. *Shariah Law Reports, 2010(3)*, 79-89.
- Dr Abdul Karim Zaydan. (1993). *Al-Madkhal li Dirasati al-Syariah al-Islamiyyah*. Baghdad: Dar al-Wafa'.
- Hasnizam Hashim & Jasri Jamal. (2014). Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap bentuk-Bentuk Hukuman Bagi Kes-Kes Jenayah Syariah. *Jurnal 'Ulum Islamiyyah, 12*, 87-103.
- Hasnizam Hashim & Jasri Jamal. (2017). Transformasi Bidangkuasa Mahkamah Syariah di Malaysia: Penilaian Semula Terhadap Hukuman Takzir. *Jurnal Hukum, 44(1)*, 1-30.
- Mahamad Arifin et. al. (2007). "Perkembangan pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia", *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*. Cetakan-1. Jilid 12. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi Ab. Majid. (2001). *Bidangkuasa Jenayah Mahkamah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmud Saedon Awang Othman. (2000). Nizam 'Uqubah dalam Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia. dalam Abdul Munir Yaacob & Sarina Othman (Eds.), *Tinjauan Kepada Perundangan Islam* (Cetakan ke-3). Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Muhammad Abu Zahrah. (2006). *Al-Jarimah wa al-Uqubah fi al-Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Organization, Woman's Aid. (25 Mac 2005). The State has no role in Policing Morality. from <http://www.wao.org.my/news/20050103moralresourcechrono.htm>
- Paizah Hj Ismail.(1991). *Undang-Undang Jenayah Islam*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam. Perlembagaan Persekutuan Malaysia.